

Sayangi Dunia Kita: Komitmen Zurich Malaysia untuk Mengurangi Risiko Iklim

KUALA LUMPUR, 30 Oktober 2023 – Baru-baru ini, ‘Bulan Iklim’ tahunan ke-3 Zurich Malaysia (Zurich) telah menutup tirai dengan jayanya, sekali gus mengesahkan komitmen kami terhadap pemuliharaan alam sekitar. ‘Bulan Iklim’ dianjurkan setiap September bagi memberikan kesedaran tentang perubahan iklim dan menyokong tindakan untuk menjadikan planet ini tempat yang lebih hijau.

Sebagai sebahagian kempen jenama Zurich ‘Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna’, tumpuan ‘Bulan Iklim’ tahun ini adalah untuk mendidik, menyokong komuniti, dan memulakan projek pemuliharaan. Aktiviti-aktiviti ini merupakan bukti kukuh kepada dedikasi Zurich yang tidak berbelah bahagi terhadap planet kita dan kesejahteraan komuniti tempatan.

Mengulas tentang kejayaan ‘Bulan Iklim’, Erin Hwang, Ketua Pemasaran Jenama & Komunikasi Zurich Malaysia, berkata, “Sebagai warga dunia ini, kita semua mempunyai peranan untuk menjaga planet ini dan penghuninya. Menerusi pelbagai penglibatan dan aktiviti kami, kami berazam untuk mencipta satu kesan gelombang impak positif. Misi kami adalah jelas – di Zurich Malaysia, kami sangat mengambil berat perkara yang benar-benar penting buat semua rakyat Malaysia.”



Kempen Global bersama National Geographic

Antara siri kemuncak aktiviti kami yang berteraskan alam sekitar adalah memperkenalkan kempen global “Rewild Your Life”. Berdasarkan matlamat jenama Zurich, “Cipta Masa Depan yang Lebih Cerah Bersama-sama”, kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan dan bagaimana ia boleh menjadi cara yang berkesan dalam membantu alam semula jadi serta memulihara biodiversiti.

Video kempen itu diterbitkan oleh National Geographic Creative Works yang dilantik oleh Zurich Insurance Group. Ia memaparkan penerokaan bagaimana tindakan kecil pemuliharaan mampu membawa perubahan signifikan dan melihat pemuliharaan dari sudut “kesan rama-rama”, menunjukkan bagaimana penanaman bunga dandelion di taman akhirnya boleh membantu mencegah banjir. Kempen ini menonjolkan kewujudan bersama yang harmoni antara alam semula jadi dan manusia, khususnya di negara-negara yang kaya dengan hidupan liar dan biodiversiti, namun berisiko menghadapi peristiwa berkaitan iklim, seperti Malaysia.

Siaran Akhbar

Oktober 2023



Menyokong dan Melindungi Komuniti yang Memerlukan

Dengan memberi tumpuan kepada membantu komuniti tempatan, Zurich turut bergabung tenaga dengan EPIC Homes untuk membina rumah-rumah yang berdaya tahan dari 8 hingga 10 September. Kampung Orang Asli Serigala yang terletak di Ulu Bernam, Hulu Selangor menjadi tumpuan inisiatif ini. Penglibatan berterusan dengan EPIC Homes sejak tahun 2019 telah berjaya membina tiga (3) rumah sehingga kini.

Zurich mengiktiraf keperluan untuk membuat perubahan segera dan komited untuk mengubah kehidupan serta membuat penambahbaikan yang berkekalan. Pasukan berdedikasi yang terdiri daripada 35 kakitangan (atau 'Zurichers') telah berganding bahu dengan keluarga orang asli selama tiga (3) hari untuk membina sebuah rumah baharu, sekali gus menggambarkan semangat solidariti. Malah, projek kedua telah dirancang pada November 2023 untuk manfaat sebuah lagi keluarga di Kampung Orang Asli Songkok di Batang Kali, Selangor.



Siaran Akhbar

Oktober 2023



Aktiviti Sukarelawan untuk Memulihara Alam Sekitar

Satu lagi detik bermakna dalam 'Bulan Iklim' adalah aktiviti pembersihan pantai di Pantai Cunang, Tanjung Sepat, Selangor yang diterajui oleh sepasukan *Zurichers* yang berdedikasi. Usaha mereka bukan sekadar mencantikkan dan memulihkan keindahan semula jadi pantai itu, tetapi juga membabitkan pengutipan sampah untuk dikitar semula, dengan kerjasama Thanam Industry Sdn Bhd, syarikat berlesen bagi penyelesaian pengurusan sisa dan kitar semula. Inisiatif ini menonjolkan penekanan Zurich terhadap peranan penting yang perlu dimainkan setiap individu dalam memelihara ekosistem semula jadi kita.

Untuk maklumat lanjut tentang kempen jenama #LindungiSegalaPerkaraYangBermakna dan pendekatan holistik Zurich Malaysia untuk membina masa depan yang lebih cerah, sila layari www.zurich.com.my/CareForWhatMatters.

Untuk maklumat lanjut tentang pelan Insurans dan Takaful Zurich Malaysia yang terkini, sila layari www.zurich.com.my.

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif, membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.